

21 JUN 2003

Umno-Usul (Pendidikan/Agama)

KERAJAAN DISARAN BERI KEUTAMAAN PERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan disaran untuk terus memberi keutamaan dan penekanan terhadap usaha-usaha memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah terunggul di negara ini yang menjadi pilihan utama semua kaum selain berterusan menyemai pemahaman Islam yang sempurna di kalangan masyarakat Islam.

Wakil Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Gapar Gurrohu berkata isu pendidikan dan agama memerlukan perhatian serius daripada kerajaan terutama ketika negara sedang menghadapi zaman globalisasi yang memerlukan rakyat berpendidikan tinggi selain mempunyai benteng ketahanan diri melalui kefahaman ilmu agama.

"Disebabkan itulah usul Pendidikan dan Agama dibentangkan serentak sebagai usul yang bersepadu pada tahun ini," katanya ketika membentangkan usul itu pada Perhimpunan Agung Umno kali ke-54 yang memasuki hari ketiga, iaitu hari terakhir persidangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata pendidikan dan agama adalah dua ejen pemangkin bagi melahirkan masyarakat yang dinamik dan usaha itu perlu diberi penekanan oleh Umno untuk memastikan teraju pemerintahan negara terus dipegang oleh orang Melayu.

Katanya usaha meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana perlu dikemaskinikan berikutan perkembangan terkini menyaksikan ibu bapa tidak lagi menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama untuk anak masing-masing.

"Ibu bapa Melayu lebih suka menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Agama Rakyat (SAR) manakala ibu bapa bukan Melayu pula lebih suka kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil," katanya.

Gapar berkata sikap ini jika berterusan akan meninggalkan kesan negatif apabila sekolah kebangsaan yang sepatutnya menjadi pusat integrasi nasional terus terpinggir.

Katanya pihak berkuasa termasuk guru-guru perlu bijak dalam menyemai nilai-nilai Islam di sekolah kebangsaan kerana terdapat ibu bapa bukan Melayu bertanggapan serong seolah-olah langkah itu cuba menjadikan sekolah kebangsaan sebagai satu cabang sekolah pendidikan agama Islam.

Beliau turut memuji langkah kerajaan persekutuan menghentikan bantuan per kapita tahunan kepada SAR yang wajar mendapat sokongan penuh daripada umat Islam negara ini berikutan sekolah berkenaan tidak lagi relevan dengan suasana negara.

Gapar berkata SAR yang wujud sejak beratus-ratus tahun di negara ini tidak lagi boleh memenuhi keperluan pelajar untuk mendapatkan pendidikan agama dan pendidikan moden seperti sains kerana tugas itu boleh dipikul secara lebih berkesan oleh sekolah kebangsaan.

"Malahan SAR hari ini juga telah diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu untuk dijadikan sebagai tempat menghasut dan ini merugikan orang Melayu serta menghina orang Melayu," katanya.

Beliau berkata berikutan hasutan dan pengaruh dari luar, prestasi pelajar sekolah itu dalam peperiksaan umum juga kian lemah dan merosot.

"Dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2002, pelajar yang mendapat keputusan cemerlang iaitu 'A' bagi semua subjek untuk SAR hanyalah 0.2 peratus sahaja berbanding sekolah-sekolah lain seperti sekolah menengah kerajaan agama yang mencatat 15.9 peratus," katanya.

Beliau berkata kemerosotan yang dialami oleh SAR juga berpunca daripada

guru besar dan tenaga pengajar sekolah berkenaan tidak diberikan asas latihan pendidikan yang sempurna hingga menjejaskan prestasi pelajar Islam.

Gapar turut memuji usaha kerajaan memperkenalkan pendekatan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris yang didapati mampu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

"Tindakan ini tidak menjejaskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan atau menjejaskan kedaulatan bahasa Melayu," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya institusi keluarga diperkukuhkan menerusi penyediaan sebuah program yang mantap kerana kecemerlangan rakyat bermula dari rumah.

Gapar juga ketika menghargai sumbangan Dr Mahathir yang akan berundur Oktober ini daripada jawatan presiden dan Perdana Menteri, mengenang kembali kebolehan negarawan ulung itu semasa menjadi Menteri Pendidikan pada 1974 apabila berjaya mengatasi masalah demonstrasi pelajar pada tahun itu.

Terdahulu, Gapar mengumumkan tujuh ketetapan berhubung usul pendidikan dan agama iaitu:

- * Menyedari bahawa betapa penting pendidikan sebagai kunci utama membangunkan individu yang berilmu, beriman dan bertakwa yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, kedaulatan bangsa dan kemakmuran negara serta kesinambungan perjuangan Umno;

- * Menginsafi bahawa hanya ilmu yang syumul dan seimbang, merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi yang akan menentukan individu yang unggul;

- * Menyedari bahawa dalam dunia globalisasi yang menjamin pelbagai cabaran, bangsa Melayu harus cemerlang, mempunyai keupayaan bersaing dan kekentalan diri yang sejati;

- * Menginsafi bahawa keutuhan bangsa bergantung kepada kesamarataan kualiti pendidikan;

- * Menginsafi bahawa perpaduan kaum dan integrasi nasional adalah tunjang kepada keamanan dan kesejahteraan negara;

- * Menyedari bahawa pentingnya sumbangan sains dan teknologi ke arah kesejahteraan hidup sejagat pada abad kini dan masa hadapan;

- * Menyedari bahawa kelemahan umat Islam hari ini adalah disebabkan oleh ketinggalan dalam persiapan mempertingkatkan kekuatan umat dari segi ilmu, ekonomi dan pengurusan sumber.

Sementara itu, ketika menyokong usul berkenaan, wakil Selangor Datuk Zainal Sakom berkata kecemerlangan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama majoriti rakyat negeri ini terjejas berikutan sikap sesetengah pihak termasuk pengurusan sekolah yang "terlalu emosi" menyalurkan nilai Islam yang keterlaluan di kalangan pelajar sekolah itu.

Beliau berkata selain itu langkah menukar penggunaan istilah subjek "Bahasa Malaysia" ke "Bahasa Melayu" di sekolah kebangsaan pada 1992 berikutan desakan pengamal sastera negara turut membantu menyingkirkan sekolah kebangsaan sebagai institusi tunggal pendidikan rendah.

"Sehubungan itu Umno Selangor mencadangkan supaya istilah Bahasa Melayu ditukarkan kepada Bahasa Malaysia," katanya.

Zainal juga mencadangkan supaya pelajar sekolah diajar mata pelajaran biasa dari 7.30 pagi hingga 12 tengah hari dan diajar mata pelajaran agama Islam dari 12 tengah hari hingga 2 petang.

"Ini akan menjadikan sekolah kebangsaan unggul dalam pengajaran Fardhu Ain dan pelajar tidak lagi perlu untuk mengikuti sekolah Fardhu Ain pada waktu petang," katanya.

Pada akhir ucapannya, Zainal sempat mendendangkan lagu terkenal dendangan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee: "Di mana Kan Ku Cari Ganti", bersama-sama perwakilan bagi ditujukan kepada Dr Mahathir.

RAR KHY ROS